

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 13 APRIL 2014 (AHAD)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	Kos rawatan penyakit kronik lebih murah	Berita Harian
2	Affordable nuclear medical treatment for M'sian by 2016	Sunday Star
3	Kemudahan perubatan teknologi nuklear	Mingguan Malaysia
4	A wet April but will dam levels rise?	Sunday Star
5	Engineering Science fair	Sunday Star
6	Iklan: est con2014	New Sunday Times

## Kos rawatan penyakit kronik lebih murah



Dr Muhamad Lebai Juri

**Kota Bharu:** Rakyat negara ini akan menikmati kos rawatan penyakit kronik lebih murah apabila terbinanya pusat siklotron iaitu perubatan berteknologi nuklear berkapasiti tinggi 30 MeV, di Bangi, Selangor menjelang tahun 2017 nanti.

Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia, Datuk Dr Muhamad Lebai Juri, berkata di Asia hanya ada tiga pusat siklotron 30 MeV iaitu di Korea, Jepun serta Australia dan Malaysia akan menjadi satu-satunya pusat siklotron berkapasiti 30 MeV pertama di Asia Tenggara.

"Pusat yang di jangka membabitkan kos kira-kira RM240 juta itu akan membolehkan rakyat negara ini mendapat rawatan perubatan menggunakan teknologi nuklear dengan kos rendah berbanding sebelum ini mencecah ribuan ringgit terutama

ma apabila mendapat rawatan di luar negara.

"Kini ada empat pusat siklotron berkapasiti 18 MeV iaitu satu di hospital kerajaan, tiga di hospital swasta dan kemudahan teknologi 18 MeV ini hanya melakukan pengimejan beberapa penyakit saja.

"Dengan pusat siklotron 30 MeV ini, kami jangka dapat melakukan rawatan menggunakan teknologi nuklear lebih baik terutama bagi penyakit kronik seperti barah tulang, otak serta hati," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Sainifik mengenai Pengimejan Perubatan ke-36, di sini, semalam.

### Teknologi termaju

Beliau berkata, teknologi 30 MeV adalah teknologi termaju dalam pengimejan bioperubatan kerana ia membolehkan penyakit kronik, terutama kanser dapat dikesan dengan le-

bih awal, sekali gus mampu menyelamatkan pesakit terbabit.

"Melalui penggunaan teknologi termaju ini, apabila bahan perubatan tertentu disuntik ke dalam badan pesakit, ia mampu mengeluarkan imej penyakit dikesan setelah pengimejan dilakukan terhadap pesakit berkenaan.

"Kaedah ini lebih berkesan daripada penggunaan sinaran X yang menyebabkan pesakit terpaksa melalui pembedahan, sedangkan menerusi penggunaan teknologi nuklear ini, ia mampu mengesan penyakit dengan cepat selain tidak perlu melalui pembedahan," katanya.

Dr Muhamad berkata, usaha membangunkan siklotron 30 MeV membolehkan rakyat terutama yang tidak mampu, menikmati taraf perubatan termaju tetapi tidak membabitkan kos tinggi.

## Affordable nuclear medical treatment for M'sians by 2016

**KOTA BARU:** Malaysians can look forward to a state-of-the-art medical treatment using nuclear technology – at an affordable rate.

This will be possible after the High Capacity Cyclotron Centre in Bangi, the first such centre in the region, is completed in three years.

National Nuclear Agency director Datuk Dr Muhammad Lebai Juri, who disclosed this, said the RM240mil centre with a 30 MeV capacity would produce radioisotopes to treat ailments like brain and bone cancer.

He said only Japan and South Korea in Asia had employed such technology for medical purposes.

Dr Muhammad said cyclotron was used for medical imaging, radio diagnostics and production of radioisotopes that were injected into patients to detect and cure ailments.

“Radioisotopes or radioactive substances being produced now are limited to detecting and curing cancers like breast and lymphatic cancer and this costs RM7,000, not inclusive of other treatment costs.

“Wealthy patients undergo such treatment overseas. When the centre here is completed, Malaysians will be able to get such treatment at an affordable price,” he told reporters after officiating the 36th Seminar on Medical Imaging here yesterday.



**KERATAN AKHBAR**  
**MINGGUAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 19**  
**TARIKH: 13 APRIL 2014 (AHAD)**

## Kemudahan perubatan teknologi nuklear

KOTA BHARU 12 April - Penduduk negara ini berpeluang menikmati kemudahan rawatan perubatan teknologi nuklear tercanggih pada kos lebih rendah apabila pusat siklotron berkapasiti tinggi yang dibangunkan di Bangi, Selangor siap dalam tempoh tiga tahun lagi.

Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia, Datuk Dr. Mu-

hammad Lebai Juri berkata, pusat siklotron bernilai RM240 juta mempunyai kapasiti 30 MeV itu mampu menghasilkan jenis bahan radioisotop yang lebih banyak bagi merawat pelbagai penyakit seperti barah otak selain dimanfaatkan dalam bidang penyelidikan dan industri.

Beliau berkata, hanya dua ne-

gara di Asia iaitu Jepun dan Korea mempunyai teknologi canggih itu berbanding Malaysia setakat ini hanya mempunyai empat pusat siklotron berkapasiti rendah 18 MeV iaitu satu dimiliki kerajaan dan tiga lagi milik swasta selain dikhususkan untuk perubatan.

"Fungsi siklotron adalah untuk kegunaan dalam pengimejan perubatan, radiodiagnostik dan radioterapi serta penghasilan radioisotop yang disuntik ke dalam badan pesakit bagi mengesan dan menyembuhkan penyakit.

"Radioisotop atau bahan radioaktif yang kita hasilkan melalui teknologi yang ada sekarang bagaimanapun terhad untuk mengesan dan merawat beberapa jenis barah biasa sahaja seperti barah payu dara dan limpa selain kos tinggi iaitu RM7,000 untuk satu suntikan tidak termasuk kos rawatan.

"Jadi dengan dibangunkan pusat siklotron ini kelak kita dapat memberi kemudahan perubatan lebih menyeluruh dan mengurangkan beban rakyat kerana pengeluaran radioisotop yang lebih efisien," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Pengimejan Perubatan Ke-36 di sini hari ini.

Seminar dengan tema 'Keselamatan, Kualiti dan Kebolehpercayaan' tersebut dianjurkan Agensi Nuklear Malaysia dengan kerjasama Kementerian Kesihatan, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB), Persatuan Perlindungan Sinaran Malaysia dan Persatuan Perubatan Nuklear Malaysia.

Dr. Muhamad berkata, pembangunan pusat siklotron serbaguna itu bukan sahaja akan meningkatkan kemampuan negara dalam penghasilan radioisotop untuk kegunaan pelbagai bidang, bahkan akan menjadi tarikan kepada penduduk dari negara lain khususnya rantau Asia mendapatkan kemudahan rawatan di Malaysia.

"Malaysia akan menjadi negara pertama di Asia Tenggara memiliki teknologi ini sekali gus merancakkan lagi industri pelancongan kesihatan serta jalinan kerjasama antara negara yang lebih erat," katanya.

## A wet April but will dam levels rise?

By **PATRICK LEE**  
patrick.lee@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Two-thirds of April will be wet in Selangor but the big question is whether the levels at the state's seven drying dams are going to rise.

Meteorological Department central forecasting office director Muhammad Helmi Abdullah said an average of 150mm to 250mm of rainfall was expected in Selangor this month.

"The number of rainy days will be about 20.

"But we feel this month will be slightly below average (in terms of rainfall)," he said, adding that the average for this month was about 300mm.

It is not known if rain forecasted this month will fall in catchment areas served by the Sungai Selangor dam, which is the state's largest.

Experts and government officials have noted that a lot of the rain did not fall in catchment areas served by dams in the state.

A total of 65mm of rain was recorded in Petaling Jaya over a 24-hour period from 8am on Friday.

It was reported that 200mm of rainfall was needed for the dam to rise to a 55% capacity, considered as the safe level to cease water rationing and resume regular supply to 6.7 million consumers.

During the 24-hour period from 8am on Friday only 5.35mm poured into the Sungai Selangor dam.

The level at the dam, which serves 60% of the entire state besides Kuala Lumpur and Putrajaya, has been hovering around the 37% mark over the past few days.

The level was 37.66% as of 8am yesterday, a mere 0.07% increase from the previous day.

**KERATAN AKHBAR  
SUNDAY STAR (BRIEFLY) : MUKA SURAT 10  
TARIKH: 13 APRIL 2014 (AHAD)**

**Engineering Science fair**

THE Kuala Lumpur Engineering Science Fair 2014 will be held from April 25 to 27 from 9am to 5pm at the **National Science Centre** in KL. Admission is free. For enquiries, contact 0111-888 9397 or send a fax to 03-7955 8209 or e-mail [info@klengsc.net](mailto:info@klengsc.net) or visit [www.klengsc.net](http://www.klengsc.net) for tickets.



KERATAN AKHBAR  
NEW SUNDAY TIMES : MUKA SURAT 06  
TARIKH: 13 APRIL 2014 (AHAD)



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
PETRONAS

WORLD ENGINEERING, SCIENCE & TECHNOLOGY CONGRESS (ESTCON)

# ESTCON 2014

ENGINEERING, SCIENCE, TECHNOLOGY AND HUMANITIES : CONVERGENCE FOR A SUSTAINABLE FUTURE

3 - 5 JUNE 2014, KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE, MALAYSIA

FIND US HERE:



## MORE THAN JUST A CONFERENCE!

Organised by Universiti Teknologi PETRONAS (UTP), the 3rd World Engineering, Science & Technology Congress (ESTCON 2014) is the largest in the series held to date.

### Why you should be part of ESTCON 2014?

1. More than just a conference - 9 simultaneously held conferences, exhibitions, innovation pitching, gala dinner and networking activities.
2. A wide range of programmes that allow any representatives from your organisation to participate.
3. ESTCON 2014 tickets are inter-changeable within your organisation. This allows your organisation to send different representatives on different days.
4. Convergence of not only ideas and technology but people from the industry, academia, government and the public under one roof.
5. Discover the latest inventions and innovations.
6. Interact and network with industry players for potential commercialisation opportunities.
7. Earn up to 20 Continued Company Development (CCD) hours & 18 Continued Professional Development (CPD) hours from Construction Industry Development Board Malaysia (CIDB) and Board of Engineers Malaysia respectively.

Reserve your seats **NOW**. Log on to our website at [www.estcon2014.com](http://www.estcon2014.com) or call us at +603 2166 2010 or fax at +603 2166 7010 for more information and registration.

ORGANISED BY:



WITH SUPPORT FROM



ORGANISING PARTNER:

urbanforum.

### EARLY BIRD SPECIAL FEE

REGISTER BY 30 APRIL  
2014 and SAVE between  
RM200 and RM900 per  
person off the  
normal price.